

26/09/1998

Tindakan Dr M bagaikan doktor bedah

KUALA NERANG, Jumaat - Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, berkata tindakan Perdana Menteri memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim boleh diibarat seperti seorang doktor membedah pesakit.

Menurutnya, pesakit biasanya tidak gemar dibedah, tetapi doktor terpaksa melaksanakannya demi kesejahteraan dan kesihatan pesakit itu sendiri.

Beliau berkata, begitu juga dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang terpaksa memecat Anwar meskipun menyedari tindakan itu tidak digemari penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri, demi kesejahteraan negara dan Umno.

Menurutnya, Dr Mahathir juga mengambil tindakan itu selepas memperoleh bukti terlalu kukuh mengenai salah laku Anwar dalam kegiatan seks, termasuk mengganggu isteri seorang ahli perniagaan.

"Perdana Menteri tidak peduli sama ada orang marah atau tidak... Dr Mahathir sebagai doktor kalau orang itu perlu dibedah, beliau terpaksa bedah orang itu walaupun orang itu atau orang lain tak suka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Tabung Wakaf dan meletakkan batu asas pembinaan bangunan tambahan Sekolah Menengah Agama Al-Khairiyah, Jalan Pedu, dekat sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Belia dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) negeri, Ghazali Ibrahim serta Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Syed Razak Syed Zain.

Tabung berkenaan bertujuan membantu pentadbir sekolah terbabit mengumpulkan dana bagi membina tiga blok bangunan bilik darjah, dua blok asrama, sebuah dewan, sebuah surau dan sebuah dewan makan.

Sanusi berkata, penyokong Anwar yang enggan mempercayai perkara itu sebenarnya enggan menerima kebenaran.

"Apabila orang itu tidak mahu menerima kenyataan, maka segala bukti betul yang dibawa oleh orang yang betul, dikatakan tidak betul.

"Tetapi apabila orang yang tidak betul membawa bukti yang tidak benar, mereka kata betul... ini dinamakan sebagai gawat fikiran.

"Masyarakat, terutama ahli Umno tidak menghadapi masalah untuk menerima tuduhan (terhadap Anwar) jika diberikan masa yang cukup kecuali mereka yang tidak mahu menerima kenyataan," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan ahli Umno supaya tidak mendewadewakan pemimpin.

"Janganlah apabila orang yang didewa-dewakan itu jatuh, kita anggap Islam juga akan jatuh kerana kemuliaan individu adalah kerana agama dan bukannya kerana agama individu itu mulia.

"Saya setuju dengan Datuk Ibrahim Ali yang pernah menyebut kalau nak main tenis, boleh main dengan dia sebab dia pun main tenis," katanya.

(END)